



SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

BIL 31/2020

RUJUKAN : 22 APRIL 2020



BANCIS
PENDUDUK & PERUMAHAN
MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020



www.dosm.gov.my



www.mycensus.gov.my



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

Malaysia secara umumnya sedang mengalami satu transisi ke arah tanda-tanda awal proses pemulihan daripada wabak berbahaya COVID-19. Pertambahan kes positif yang relatifnya terkawal dan diperkuuhkan dengan catatan kes sembah yang memberangsangkan memerlukan masyarakat untuk lebih fokus dan prihatin terhadap amalan penjarakan sosial dan penjagaan kesihatan. Penumpuan kepada perkembangan semasa pertambahan kes harian jangkitan positif bukanlah satu-satunya indikasi bahawa Malaysia telah hampir bebas daripada wabak ini. Catatan kes aktif dengan kebolehjangkitan yang ketika ini berjumlah 1,987 kes dan taburan kes aktif di 21 daerah dalam kategori zon merah dan jingga serta kes import dari luar negara merupakan antara cabaran yang perlu ditangani dengan efektif. Hakikatnya dalam tempoh sukar ini terma “The New Normal” atau kebiasaan baharu perlu dipraktikkan daripada hanya sekadar ungkapan. Amalan keagamaan dan tradisi kebudayaan seperti kunjung mengunjung, perhimpunan keagamaan terutamanya sambutan ibadah bulan Ramadhan yang bakal menjelma, memerlukan keprihatinan masyarakat agar kekal patuh kepada kawalan pergerakan. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyarankan agar masyarakat mengambil iktibar daripada penyebaran jangkitan dari beberapa kluster dan sub-kluster yang telah mempengaruhi usaha pihak kerajaan untuk memutuskan rantai penularan.

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan **kumulatif kes sembah meningkat kepada 3,452** berbanding **kes aktif 1,987 kes** pada 22 April 2020. Sementara itu, sebanyak **50 kes positif baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **5,532 kes**. Di peringkat negeri, **pertambahan kes baharu** antaranya adalah menerusi catatan **di Sarawak** dengan **merekodkan 19 kes** disusuli W.P Kuala Lumpur (16 kes) dan Pahang (6 kes). Secara umumnya, tiada penambahan kes positif dicatatkan bagi enam buah negeri termasuk satu Wilayah Persekutuan. Selain itu, sejumlah **93 kes kematian** telah direkodkan sehingga kini dengan pertambahan **1 kematian terbaru** seperti pada Jadual 1.

Statistik pecahan kes positif mengikut daerah menunjukkan sebanyak **30 daerah** telah dikategorikan **sebagai zon merah**. Menerusi kategori tersebut, terdapat 6 daerah mempunyai catatan melebihi 200 kes dengan **Lembah Pantai kekal** merekodkan **jangkitan tertinggi sebanyak 634 kes** diikuti Hulu Langat (446 kes), Petaling (371 kes) dan Seremban (308 kes). Sehingga 21 April 2020, tiada catatan zon merah direkodkan bagi daerah-daerah di Pulau Pinang, Kedah dan Terengganu sementara **sejumlah 27 daerah** dari seluruh negara masih **mengekalkan rekod zon hijau** atau tanpa jangkitan positif COVID-19.

Di seluruh dunia, **kumulatif jangkitan COVID-19** meningkat kepada **2,567,377 kes** dengan **jumlah kematian 177,522 kes**. Amerika Syarikat kekal mendominasi bilangan kes positif dengan menyumbang **32.1 peratus**, disusuli Sepanyol iaitu 8.0 peratus dan Itali sebanyak 7.2 peratus. Sementara itu, **di peringkat ASEAN Singapura mendahului senarai teratas** dengan catatan 10,141 kes mengatasi beberapa negara anggota antaranya Indonesia (7,135 kes), Filipina (6,599 kes) termasuk Malaysia (5,532 kes). **Kematian tertinggi** global direkodkan oleh **Amerika Syarikat iaitu 45,075 kes**, diikuti Itali yang mencatatkan 24,648 kes, Sepanyol (21,282 kes) dan Perancis (20,829 kes). Kedudukan statistik **kadar kematian didominasi oleh Belgium** dengan 14.64 peratus, Algeria (13.95 peratus), Itali (13.40 peratus) dan United Kingdom (13.35 peratus). Kadar kematian peringkat dunia terus meningkat kepada 6.91 peratus manakala kes sembah merekodkan 687,559 kes (26.78 peratus) seperti pada Jadual 2.

Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia termasuk Malaysia merupakan krisis kesihatan yang mengancam kelangsungan dan kesejahteraan hidup masyarakat. Menerusi laporan *ILO Monitor 2nd Edition: Covid-19 and the World of Work*, sejumlah 3.3 bilion tenaga kerja di seluruh dunia menerima kesan akibat krisis ini. Lanjutan darpada itu, Asia dan Pasifik dijangka akan menerima kesan yang hebat dengan kehilangan pekerjaan dan pengurangan jam bekerja. Di Malaysia hampir 40 peratus daripada keseluruhan tenaga buruh adalah belia berumur 15-29 tahun yang merupakan tunjang kepada kemakmuran ekonomi. Justeru, situasi krisis COVID-19 ini pastinya memberi kesan negatif kepada penyertaan belia dalam pasaran buruh, terutamanya bagi graduan baharu seperti kesukaran mencari kerja, mengekalkan pekerjaan dan pendapatan. Merujuk kepada petikan akhbar, dari sudut pengangguran, jangkaan kadar pengangguran belia cenderung meningkat lebih tinggi dibandingkan dengan pengangguran secara keseluruhan. Ini disebabkan oleh kebanyakan belia bekerja secara sambilan, sementara dan tidak formal yang antaranya terdiri daripada sektor perhotelan, makanan, pembuatan dan peruncitan. Bagi prospek tahun 2020, Bank Negara Malaysia mengumumkan peningkatan unjuran kadar pengangguran kepada 4.0 peratus manakala Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) pula mengunjurkan sebanyak 4.9 peratus kesan daripada penularan wabak ini.

Kejutan ekonomi global berikutan impak penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada Public Invest Research Daily memberikan butiran pasaran buruh dan ekonomi antarabangsa seperti berikut;

AS: Jualan kediaman merosot pada bulan Mac 2020. Penjualan kediaman menjunam -8.5 peratus kepada 5.27 juta pada asas perbandingan bulan-ke-bulan (MoM) setelah mengalami peningkatan sebanyak 6.3 peratus pada bulan sebelumnya (Februari 2020). Penurunan ini adalah lebih mendalam berbanding jangkaan -8.1 peratus yang diramalkan oleh ahli ekonomi. Walau bagaimanapun, penjualan kediaman **pada asas perbandingan tahun-ke-tahun untuk Mac mencatatkan peningkatan 0.8 peratus**. Sementara itu, purata

SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19: STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

harga rumah Mac naik 3.8 peratus kepada AS\$ 280,600 berbanding AS\$ 270,400 pada bulan Februari dan naik 8.0 peratus dari AS\$ 259,700 pada tahun sebelumnya. Inventori kediaman yang tidak terjual mewakili 3.4 bulan bekalan pada penjualan semasa berbanding 3.0 bulan pada bulan Februari dan 3.8 bulan setahun yang lalu. (RTT)

AS: Defisit belanjawan AS dijangka meningkat berlipat kali ganda tahun ini kepada hampir AS\$ 4 trilion. Unjuran dari *Committee for a Responsible Federal Budget* (CRFB) menyatakan bahawa jumlah terkumpul hutang awam AS pada 2023 dijangka melebihi rekod pernah dicapai ketika Perang Dunia Ke-2. Unjuran ini hanya merangkumi hutang bagi perbelanjaan ketika krisis tiga bulan yang menyaksikan **peruntukan tambahan Kongres berjumlah AS\$ 2.3 trillion.** Perbelanjaan tambahan ini adalah bagi menghadapi pandemik COVID-19 yang menyebabkan **kehilangan berjuta-juta pekerjaan, penutupan ribuan perniagaan dan mengurangkan pendapatan cukai kerajaan tempatan & negeri.** Sebelum krisis, **nisbah hutang AS ke GDP meningkat dua kali ganda kepada 79 peratus** pada tahun 2019 daripada 35 peratus pada tahun 2007. (Bloomberg)

UK: Tuntutan faedah pengangguran UK meningkat. Tuntutan faedah pengangguran di UK meningkat pada bulan Mac 2020 dengan jumlah rakyat yang mencari bantuan kebajikan akibat sekatan pergerakan meningkat kepada 1.5 juta. Situasi ini menunjukkan tekanan kewangan yang semakin tinggi di kalangan isirumah akibat pandemik COVID-19. Sementara itu, **Department of Work & Pension (DWP) secara purata menerima 5 kali ganda tuntutan Universal Credit berbanding biasa.** Walau bagaimanapun, angka ini tidak semestinya diterjemahkan sebagai peningkatan pengangguran kerana rakyat juga boleh menuntut faedah tersebut sekiranya pendapatan terjejas. (Bloomberg)

CHINA: Hubei mencatatkan kemelesetan pada suku pertama 2020. Hubei yang merupakan pusat penularan wabak COVID-19 di China mencatatkan **penurunan output ekonomi sebanyak -39.2 peratus pada suku pertama berbanding tahun sebelumnya.** Penurunan yang mendadak ini didorong oleh kejatuhan besar dalam sektor pembuatan. Krisis ini telah memberi kesan yang tidak pernah terjadi sebelumnya terhadap pembangunan ekonomi dan sosial di wilayah tersebut, dengan kebanyakan petunjuk ekonomi turun dengan ketara pada suku pertama. Keluaran pembuatan Hubei **merosot -45.8 peratus** pada bulan Januari-Mac dari tahun sebelumnya, **disebabkan oleh kemerosotan industri automotif, mesin elektrik dan peralatan am.** (Reuters)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Association of Hotels (MAH) memaklumkan **anggaran kerugian** dari hasil sewa bilik hotel adalah sebanyak **RM3.3 bilion bagi tempoh Januari hingga Jun 2020**. Kerugian yang dianggarkan adalah dengan andaian bahawa PKP akan berakhir pada 28 April 2020. Kerugian ini akan jauh lebih teruk jika tempoh PKP dilanjutkan.
2. Berdasarkan survei yang dijalankan oleh **The International Air Transport Association (IATA)** terhadap pelancong-pelancong baru, **60 peratus responden** menjangkakan akan mengadakan perjalanan semula dalam tempoh **satu hingga dua bulan** sejak pembendungan penularan wabak Covid-19. Sementara itu, **40 peratus** menunjukkan bahawa mereka akan menunggu sekurang-kurangnya **enam (6) bulan atau lebih lama** untuk melakukan perjalanan semula.
3. Malaysia dijangka **menerima manfaat jangka pendek** daripada **ekonomi China yang dibuka semula** selepas COVID-19 tetapi kelemahan secara umumnya mungkin lebih ketara berikutnya **kemelesetan yang dilihat akan berlaku**.
4. **Sebanyak 19,077 permohonan** telah dikemukakan kepada MITI dengan permohonan terdiri daripada **perusahaan pembinaan, profesional industri, dan sektor perkhidmatan** yang berkaitan dengan industri pembinaan. Daripada jumlah tersebut, **7,387 ditolak dan 1,856 diluluskan** beroperasi dan perlu mematuhi peraturan ketat yang telah ditetapkan.
5. **Malaysia mempunyai kira-kira empat juta pekerja asing**, dengan lebih daripada separuh daripadanya tidak sah. Negara telah menetapkan batas untuk pekerjaan buruh asing berada di **bawah 15 peratus** dari jumlah tenaga kerja pada tahun 2020 seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia ke-11.
6. **Country Garden Real Estate (CGRE)** telah **menerbitkan sukuk** berjumlah **RM495 juta** dalam keadaan ekonomi dan pasaran kewangan yang tidak stabil pada masa kini. CGRE menyatakan ini **menunjukkan keyakinan pasaran modal** terhadap Country Garden Group dan pembangunan jangka panjang CGRE di Malaysia.

7. **Netflix mencatatkan peningkatan** keuntungan sejajar pertambahan **15.7 juta langganan** ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan di kebanyakan negara. Netflix merekodkan keuntungan **AS\$709 juta (RM3.1 bilion)** menerusi pendapatan **AS\$5.8 bilion (RM25.5 bilion)** bagi tiga bulan pertama tahun ini.
8. **Platform ‘Warung Digital e-Bazaar Ramadan’** yang diperkenalkan oleh **Kiple Pay** merupakan perkhidmatan pemesanan makanan dalam talian. Jumlah peniaga berdaftar di platform ini hanya **sekitar 25 peratus** daripada peniaga bazar tempatan dan peratusan ini dijangka meningkat dengan ketara kepada **minimum 50 peratus lagi** dalam bentuk jumlah pendaftaran.
9. **Para pemimpin ASEAN** disarankan untuk **memperkuuh integrasi** antara negara anggota bagi **menghadapi kesan pasca-wabak COVID-19** terhadap ekonomi. Pemulihan ekonomi pasca COVID-19 berada di bawah bidang kuasa negara anggota ASEAN dan Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP). China memegang sebahagian besar **sektor pembuatan di peringkat global** sebanyak **20 peratus** manakala ASEAN antara 4 peratus hingga 5 peratus.
10. **Volkswagen menawarkan kempen “Welcome Back”** untuk petugas barisan hadapan negara dalam mengekang Covid-19 dengan memberikan keutamaan tempahan untuk temujanji, sanitasi **kenderaan secara percuma** dan **diskaun 10 peratus** daripada keseluruhan bil.
11. **Syarat bagi warga asing yang ingin masuk ke Malaysia akan diperketatkan** di semua pintu masuk negara meskipun selepas PKP tamat. Ketika ini, semua warga asing telah disekat kemasukan kecuali duta-duta, perwakilan asing dan penduduk tetap yang dibenarkan masuk.
12. Bekalan beras yang menjadi makanan ruji rakyat Malaysia mudah diperolehi dan **harga beras** di pasaran runcit **masih kekal** sebagaimana sebelum penularan wabak Covid-19. **Harga jualan BERNAS kepada pemborong adalah kekal dan tidak berubah** untuk beras putih tempatan dan beras import sejak beberapa tahun lalu.
13. PKP dan pandemik Covid-19 telah **mendorong peluang pekerjaan dan persaingan yang sihat dalam ekonomi gig**. Sektor runcit dan logistik terutamanya telah menguntungkan pengusaha yang telah sedia ada menceburkan diri dalam platform perniagaan digital seperti perkhidmatan Amazon, Shopee, Lazada, Grab, Foodpanda dan Lalamove.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Markets	<p>Hotels face RM3.3 bil loss in first half, possibly permanent closure for some</p> <p>CHRIS, who manages a hotel chain in the country, does not know when his hotels can start to receive bookings again. As with most other hotels, his have been unable to accept any guests since the Movement Control Order (MCO) came into force on March 18.</p> <p>Malaysian Association of Hotels (MAH) represents 1,000 hotels in Malaysia with 164,000 rooms. During the first phase of the MCO from March 18 to 31, hotels lost RM510.75 million in room revenue, and in the second phase from April 1 to 14, an estimated RM570.35 million.</p> <p>“On average, every 14 days of MCO will cost the hotel industry RM500 million [in losses],” says Yap. And these numbers do not take into account loss of revenue from the food and beverage and events segments.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/hotels-face-rm33-bil-loss-first-half-possibly-permanent-closure-some
2.	The Edge Markets	<p>Slow recovery needs confidence boosting measures, says IATA</p> <p>The International Air Transport Association (IATA) has called on governments to work with the industry on confidence-boosting measures in the face</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/slow-recovery-needs-confidence-boosting-measures-says-iata

		<p>of an anticipated slow recovery in demand for air travel.</p> <p>The International Air Transport Association (IATA) has called on governments to work with the industry on confidence-boosting measures in the face of an anticipated slow recovery in demand for air travel. An IATA-commissioned survey of recent travelers found that 60% anticipated a return to travel within one to two months of containment of Covid-19 but 40% indicated that they could wait six months or longer, and 69% stipulated they could delay a return to travel until their personal financial situation stabilises.</p>	
3.	The Edge Market	<p>O&G counters still in limelight as oil prices continue to slip lower below US\$19/barrel</p> <p>Oil and gas (O&G) counters continue to be in the limelight today as Brent crude oil prices slipped further below US\$19 per barrel today as it continued to mirror the weakness in US West Texas Intermediate (WTI) prices as the reality of a supply glut spooked traders.</p> <p>At 9.44am, Brent crude oil futures slipped as low as US\$18.59 per barrel — the lowest since January 2002.</p> <p>At the time of writing, Brent futures for June were down at US\$18.63 per barrel, while WTI</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/o-g-counters-still-limelight-oil-prices-continue-slip-lower-below-us19barrel

		futures for June have rebounded to US\$12.66 per barrel, after hitting -US\$37.63 per barrel on Monday — the first time having a negative price in history.	
4.	Berita Harian	<p>COVID-19: Pahang umum 6 inisiatif bantuan tambahan</p> <p>Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail mengumumkan enam lagi inisiatif tambahan fasa keempat membaikkan peruntukan RM614,750 bagi membantu golongan yang terkesan berikutnya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan membendung penularan COVID-19. Secara keseluruhannya kerajaan negeri Pahang telah memperuntukan sebanyak RM24.962 juta bagi 28 inisiatif.</p>	https://www.bhariani.com.my/berita/nasional/2020/04/680237/covid-19-pahang-umum-6-inisiatif-bantuan-tambahan?fbclid=IwAR3oFa2ex7BfTsmN1YOzSGhazubLuPUdbiYRxKmrn6zW-bFxQtZyEidDkQ

Penemuan penting & isu:

1. Malaysian Association of Hotels (MAH) menyatakan anggaran kerugian dari hasil sewa bilik hotel adalah sebanyak RM3.3 bilion bagi tempoh Januari hingga Jun 2020. Kerugian yang dianggarkan adalah dengan andaian bahawa PKP akan berakhir pada 28 April 2020. Beliau menyatakan kerugian ini akan jauh lebih teruk jika tempoh PKP dilanjutkan.
2. Berdasarkan survei yang dijalankan oleh The International Air Transport Association (IATA) terhadap pelancong-pelancong baru, 60 peratus responden menjangkakan akan mengadakan perjalanan semula dalam tempoh satu hingga dua bulan sejak pembendungan penularan wabak Covid-19. Sementara itu, 40 peratus menunjukkan bahawa mereka akan menunggu sekurang-kurangnya enam (6) bulan atau lebih lama untuk melakukan perjalanan semula.

Maklumbalas Bahagian:

1. Arahan PKP bagi mencegah penularan Covid-19 telah menyebabkan banyak perniagaan bagi industri penginapan terpaksa memberhentikan operasi terutamanya hotel. Kemerosotan hasil sewa bilik hotel memberi impak negatif kepada prestasi industri penginapan bagi suku tahun pertama dan kedua pada tahun ini. Pada tahun 2019, subsektor penginapan telah menyumbang 0.7 peratus kepada KDNK Malaysia

	dengan pertumbuhan sebanyak 6.6 peratus berbanding 6.0 peratus pada tahun sebelumnya
2.	Susulan penularan Covid-19 dan arahan PKP yang mengehadkan perjalanan domestik dan perjalanan antarabangsa telah menyebabkan kemerosotan permintaan terhadap jualan tiket penerbangan dan ini secara tidak langsung turut memberi impak kepada industri pelancongan. Berdasarkan statistik Akaun Satelit Pelancongan, nilai ditambah kasar bagi industri pelancongan telah menyumbang sebanyak 15.2 peratus kepada KDNK pada tahun 2018 (RM 220.6 billion) dengan pertumbuhan 10.0 peratus berbanding tahun 2017 (10.3%).

Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit			
1.	My Metro	<p>Volkswagen tawar 'Welcome Back'</p> <p>Volkswagen Passengers Cars Malaysia (VPCM) sebagai pengedar rasmi kenderaan jenama Volkswagen di negara ini menawarkan kempen perkhidmatan selepas jualan 'Welcome Back'.</p> <p>Kempen ini menawarkan keutamaan tempahan untuk temujanji, sanitasi kenderaan secara percuma dan diskaun 10 peratus daripada keseluruhan bil kepada petugas barisan hadapan negara.</p> <p>Selain itu 'Welcome Back' juga menawarkan buat semua pemilik yang mendaftar untuk servis, menerima cenderamata dan baucar minyak enjin bernilai RM50.</p>	https://www.hmetro.com.my/vroom/2020/04/569807/volkswagen-tawar-welcome-back
2.	My Metro	<p>Fama, Nekmat tawar produk di Shopee</p> <p>Golongan petani dan nelayan di negara ini terus mendapat</p>	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2020/04/569736/fama-nekmat-tawar-produk-di-shopee

		<p>sokongan daripada penjualan atas talian melalui kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) dengan platform e-dagang terkemuka, Shopee.</p> <p>Fama, Nekmat, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Shopee bekerjasama secara eksklusif melancarkan kedai rasmi Fama (Agrobazaar_FAMA) dan Nekmat di Shopee bagi membolehkan hasil segar serta makanan laut dari petani dan nelayan dihantar terus kepada rakyat.</p> <p>Langkah ini susulan kejayaan pelancaran segmen hasil segar di Shopee pada Februari lalu yang menyaksikan platform e-dagang itu menggunakan teknologi untuk penjualan dan pengedaran hasil segar secara atas talian.</p>	
3.	My Metro	<p>Harvey Norman mula operasi</p> <p>Harvey Norman kini memulakan operasi di beberapa lokasi terpilih selepas sebulan menghentikan operasi akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan di seluruh negara.</p> <p>Pelanggan kini boleh mendapatkan pelbagai barang di cawangan Harvey Norman yang beroperasi dari jam 10 pagi hingga 7 malam setiap hari. Pihaknya sedar sekarang masa sukar untuk rakyat Malaysia dan pihaknya mahu memainkan peranan dengan menawarkan</p>	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2020/04/569731/harvey-norman-mula-operasi

		pelbagai barang pada harga rendah.	
4.	My Metro	<p>Peniaga terubuk masin terjejas teruk</p> <p>Pengusaha ikan terubuk masin turut menerima kesan ketara sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan 18 Mac lalu.</p> <p>Sebelum ini, mereka mampu meraih pendapatan antara RM500 hingga RM700 sehari, namun sejak lebih sebulan lalu, pendapatan mereka sukar mencecah hingga RM100 sehari. Berikutan kemerosotan jualan itu, beberapa peniaga terpaksa menutup kedai kerana tidak sanggup terus menanggung kerugian.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/569929/peniaga-terubuk-masin-terjejas-teruk
5.	MSN News	<p>Mungkin rugi RM31 bilion tahun ini kerana harga minyak rendah, kata penganalisis</p> <p>Seorang penganalisis di sektor minyak dan gas memberi amaran Malaysia mungkin kerugian kira-kira RM31 bilion hasil tahun ini kerana harga minyak mentah yang rendah, yang terus diburukkan lagi dengan pandemik COVID-19.</p> <p>Faktor yang merumitkan bagi Malaysia adalah lembangan yang matang dan kos pengeluaran yang lebih tinggi berbanding pengeluar di Timur Tengah. Kira-kira 60% daripada penggunaan minyak global adalah di sektor pengangkutan tetapi kini,</p>	https://www.msn.com/en-my/news/berita/mungkin-rugi-rm31-bilion-tahun-ini-kerana-harga-minyak-rendah-kata-penganalisis/ar-BB130DEq

		pergerakan tersekat kerana negara mengamalkan langkah-langkah sekatan keluar masuk.	
6.	Borneo Post Online	<p>Reopening of baking supply shops receives mixed reactions from operators</p> <p>Sarawak Disaster Management Committee (SDMC) announced that it was allowing all shops selling baking supplies including plastic containers, accessories and baking ingredients to open every Wednesday and Friday from 7am to 7pm during the MCO period in view of the coming Hari Raya and Gawai celebrations.</p> <p>With the upcoming Hari Raya Aidilfitri celebration, the baking supplies stores may not have sufficient stock as demand would increase.</p>	https://www.theborneopost.com/2020/04/22/reopening-of-baking-supply-shops-receives-mixed-reactions-from-operators/
B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan			
7.	Free Malaysia Today	<p>Bus companies cry for help from Putrajaya</p> <p>Under the MCO, travel is restricted for the general public and this had led to zero income despite continued payments for wages, diesel and maintenance. Under the wage subsidy programme, some operators have more than 76 and 200 staff members which means that the wage subsidies given to these companies cannot cover the monthly wage bill.</p>	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2020/04/22/bus-companies-cry-for-help-from-putrajaya/

	C. Subsektor Kesihatan Swasta		
8.	The Edge Markets	<p>No slowing down for TMC Life</p> <p>The COVID-19 pandemic has not deterred the expansion plans of healthcare group TMC Life Sciences Bhd, which operates its flagship Thomson Hospital Kota Damansara and six fertility centres nationwide under the “TMC Fertility” brand.</p> <p>Thomson Hospital is also one of the few private healthcare facilities that offer drive-through testing for COVID-19 at its premises, but this is not expected to be a major contributor to profit. Though TMC are seeing dramatically fewer visits from local patients due to the COVID-19 outbreak, their load factor is still at 80% of the usual amount.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/no-slowing-down-tmc-life
<p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Volkswagen menawarkan kempen “Welcome Back” untuk petugas barisan hadapan negara dalam mengekang Covid-19 dengan memberikan keutamaan tempahan untuk temujanji, sanitasi kenderaan secara percuma dan diskaun 10 peratus daripada keseluruhan bil. 2. Penjualan dan pengedaran hasil segar secara atas talian melalui kerjasama di antara Fama dan Shopee menerima sambutan yang menggalakkan di kalangan pengguna. 3. Harvey Norman telah memulakan operasi di beberapa lokasi terpilih selepas sebulan menghentikan operasi akibat PKP dengan menawarkan pelbagai barang pada harga rendah. 4. Pengusaha ikan terubuk masin di Sarawak mengalami kemerosotan jualan yang ketara sejak PKP dilaksanakan kerana kebanyakan pelanggan adalah pengunjung dari luar Kuching sama ada dari Semenanjung dan juga dari daerah lain di Sarawak. 5. Harga minyak mentah yang rendah memberikan impak agak besar kepada Malaysia selaku pengekspot minyak kerana dijangka mengalami kerugian kira-kira RM31 bilion hasil pada tahun ini. 6. Kedai bakeri di Sarawak telah dibenarkan beroperasi dalam tempoh minima bagi persiapan Hari Raya dan Gawai akan datang. 			

- | |
|---|
| <p>7. Pendapatan syarikat pengusaha bas terjejas akibat PKP kerana hampir ketidaaan penumpang akan tetapi perlu membayar gaji, bahan api dan penyelenggaraan.</p> <p>8. TMC Life mensasarkan pertumbuhan pendapatan tahunan sebanyak dua digit walaupun negara dilanda pandemik COVID-19.</p> |
|---|

Maklumbalas Bahagian:

1. Kempen jualan khas yang diadakan oleh syarikat jualan kenderaan dapat memberi impak baik kepada jualan kenderaan bermotor.
2. Jualan secara atas talian bagi barang segar yang mendapat sambutan menggalakkan daripada pengguna dijangka dapat membantu industri jualan runcit makanan & minuman untuk bertahan.
3. Harga minyak mentah dunia yang mengalami kemerosotan mendadak sehingga mencapai perubahan negatif akan menjelaskan industri berkaitan minyak sekaligus memberi kesan dalam penyusunan statistik Perdagangan Borong & Runcit.
4. Pelaksanaan PKP oleh kerajaan menyebabkan perkhidmatan pengangkutan bas mengalami kejatuhan pendapatan yang besar (anggaran 90%) susulan pengurangan bilangan penumpang walaupun perkhidmatan ini termasuk dalam *essential services*.

C.	Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian	<p>Malaysia terima manfaat ekonomi China dibuka semula</p> <p>Malaysia dijangka menerima manfaat jangka pendek daripada ekonomi China yang dibuka semula selepas COVID-19 tetapi kelemahan secara umumnya mungkin lebih ketara berikutan kemelesetan yang dilihat akan berlaku.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/680293/malaysia-terima-manfaat-ekonomi-china-dibuka-semula
2.	Berita Harian	<p>COVID-19: Kit ujian Korea Selatan tiba paling lewat minggu depan</p> <p>Bekalan kit ujian pengesanan antigen dari Korea Selatan yang mempunyai ketepatan hampir 100 peratus dalam</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/680415/covid-19-kit-ujian-korea-selatan-tiba-paling-lewat-minggu-depan?utm_source

		mengesan jangkitan COVID-19 dijangka tiba di negara ini selewat-lewatnya minggu depan.	bh&utm campaig n=reccsys&utm med ium=reccsys
--	--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Malaysia dijangka menerima manfaat jangka pendek daripada ekonomi China yang dibuka semula selepas COVID-19 tetapi kelemahan secara umumnya mungkin lebih ketara berikutan kemelesetan yang akan berlaku.
2. Bekalan kit ujian pengesanan antigen dari Korea Selatan yang mempunyai ketepatan hampir 100 peratus dalam mengesan jangkitan COVID-19 dijangka tiba di Malaysia selewat-lewatnya minggu depan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai import eksport dari/ke China mengikut seksyen barang pada tahun 2019

SITC	SEKSYEN BARANGAN	IMPORT (RM)	EKSPORT (RM)
0	Makanan	6,139,563,551	3,884,973,737
1	Minuman dan tembakau	166,585,914	155,250,215
2	Bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan	1,625,751,903	11,185,566,152
3	Bahan api galian, pelincir, dll.	12,199,524,421	20,258,202,422
4	Minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran	498,883,132	5,768,077,519
5	Bahan kimia	16,679,581,982	21,070,518,911
6	Barang-barang keluaran kilang	27,845,026,331	12,183,519,028
7	Jentera & kelengkapan pengangkutan	90,009,014,642	53,733,659,907
8	Pelbagai barang keluaran kilang	18,676,012,602	11,037,735,107
9	Pelbagai urus niaga dan barang	1,749,344,070	327,900,524
JUMLAH		175,589,288,548	139,605,403,522

Pada bulan Februari 2020, import dari China bernilai RM9.8 bilion. Berasaskan tahun ke tahun, nilai import dari China meningkat RM591.9 juta atau 6.5% daripada RM9.2 bilion. Manakala, eksport ke China bernilai RM9.4 bilion pada bulan Februari 2020. Berasaskan tahun ke tahun, nilai eksport ke China meningkat RM935.4 juta atau 11.0% daripada RM8.5 bilion.

2. Nilai import kit ujian (HS 382200 dan 300215) pada tahun 2019 ialah RM635.6 juta. Pada bulan Februari 2020, Malaysia mengimport kit ujian bernilai RM53.6 juta. Berasaskan tahun ke tahun, import kit ujian meningkat RM15.2 juta atau 39.6% daripada RM38.4 juta. Import kit ujian bagi tahun 2020 dijangka akan meningkat disebabkan penularan wabak Covid-19.
3. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19.

D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Malay Mail	<p>MRT Corp among 9,000 firms awaiting nod to resume work</p> <p>MRT Corporation Sdn Bhd is among the thousands of construction companies awaiting the Ministry of International Trade and Industry's (Miti) approval to operate during the movement control order MCO), said the works minister.</p>	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/22/works-minister-mrt-corp-among-9000-firms-awaiting-nod-to-resume-work/1859203
2.	Bernama	<p>MCO: Daily screenings on workers among SOPs set for construction sector</p> <p>Providing thermal scanners and screenings for COVID-19 on workers at construction sites are among the conditions that need to be fulfilled by contractors and companies that are allowed to operate during the Movement Control Order (MCO) period.</p>	https://www.bernama.com/en/general/news/covid-19.php?id=1834677

3.	Malay Mail	<p>House renovations by G1, G2-grade firms can resume during MCO with permission</p> <p>Companies with G1 and G2 grades will be allowed to resume their construction works under the movement control order (MCO) if they have obtained permission to operate from the government.</p>	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/22/works-minister-house-renovations-by-g1-g2-grade-firms-can-resume-during-mco/1859224
4.	The Malaysian Reserve	<p>Living in peril — Covid-19 haunts migrant workers</p> <p>WORRIES of being infected by the coronavirus, prolonged loss of income and the risk of starvation continue to shroud hundreds of thousands of migrant workers in the country, who are mostly on daily wages.</p> <p>Foreign workers, estimated around four million including illegals, came to Malaysia to perform the tasks that have largely been rejected by locals.</p>	https://themalaysianreserve.com/2020/04/22/living-in-peril-covid-19-haunts-migrant-workers/
Penemuan penting & isu: <ol style="list-style-type: none"> 1. Sebanyak 19,077 permohonan telah dikemukakan kepada MITI dengan permohonan terdiri daripada perusahaan pembinaan, profesional industri, dan sektor perkhidmatan yang berkaitan dengan industri pembinaan. Daripada jumlah tersebut, 7,387 ditolak dan 1,856 diluluskan beroperasi dan perlu mematuhi peraturan ketat yang telah ditetapkan. 2. Dokumen SOP dan Garis Panduan beroperasi sepanjang PKP bagi syarikat yang telah diluluskan oleh MITI boleh dicapai melalui pautan: application.miti.gov.my/login dan www.cidb.gov.my 3. Syarikat G1 atau G2 yang ingin beroperasi mesti terlebih dahulu mendapatkan kebenaran dari proses permohonan kepada MITI. 4. Malaysia mempunyai kira-kira empat juta pekerja asing, dengan lebih daripada separuh daripadanya tidak sah. Negara telah menetapkan batas untuk pekerjaan buruh asing berada di bawah 15% dari jumlah tenaga kerja pada tahun 2020 seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia ke-11. 			

Maklumbalas Bahagian:

1. Membuat semakan pekerja asing dalam sektor industri berbanding jumlah tenaga kerja dalam Negara.
2. Pemantauan berterusan projek dan pertubuhan yang terkesan dengan pandemik dalam survei jangka pendek dan sederhana

E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Sun Daily	<p>Country Garden raises RM495m sukuk</p> <p>Country Garden Real Estate (CGRE) has issued RM495 million of sukuk in three tranches despite the downcycle of global market and recent chaos in financial market due to the COVID-19 outbreak. This reflects the confidence that Malaysian capital markets have in both Country Garden Group and CGRE's long term development in Malaysia.</p>	https://www.thesunday.my/business/country-garden-raises-rm495m-sukuk-BM2295210
2.	NST	<p>Bursa Malaysia opens lower on concerns over global economic outlook</p> <p>Bursa Malaysia opened lower today as heightening concerns over the global economic outlook prompted more selling activities across the board. At 9.15 am, key index FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) declined 16.21 points to 1,365.25 from 1,381.73 at Tuesday's close. The key index opened 15.33 points lower at 1,366.40. Market breadth was bearish with losers thumped gainers 531 to only 44, while 151 counters were unchanged, 1,185 untraded and 19 others suspended. Turnover stood at</p>	https://www.nst.com.my/business/2020/04/586451/bursa-malaysia-opens-lower-concerns-over-global-economic-outlook

		587.34 million shares worth RM213.86 million.	
3.	The Star	<p>Major selloff on Bursa as investors take profit</p> <p>A double whammy in the market sent the local bourse into a bloodbath as investors took profit from a spectacular two-day rally. The market saw a major selloff yesterday amid fears over the impact of the steep plunge in US light crude oil prices to historic low around sub-zero level. The FBM KLCI failed to maintain its position at the 1,400-point mark it achieved on Friday after taking a 31.39-point or 2.22% plunge yesterday to 1,381.73 points. Investors were beginning to take profit from their holdings in rubber glove counters, which have been enjoying steady growth in share prices as they were regarded safe-haven stocks during the coronavirus (Covid-19) pandemic. Oil and gas counters were all in a sea of red, with Velesto Energy Bhd leading the pack as the second-most actively traded counter. Plunging crude oil prices globally soured investment sentiment on local oil and gas companies. US crude futures for May yesterday plunged 305% to close at -US\$37.63 a barrel on rising concerns of declining storage as storage tanks in the US neared capacity.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/22/bursa-experiences-major-selloff-on-profit-taking
4.	Berita Harian	<p>Langganan bertambah, untung Netflix meningkat</p> <p>Netflix mencatatkan peningkatan keuntungan sejajar pertambahan</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/teknologi/2020/04/680183/langganan-

		langganan sebanyak 15.7 juta ketika pelaksanaan perintah kawalan pergerakan di kebanyakan negara. Netflix merekodkan keuntungan AS\$709 juta (RM3.1 bilion) menerusi pendapatan AS\$5.8 bilion (RM25.5 bilion) dalam tiga bulan pertama tahun ini. Syarikat ini menjangkakan pertumbuhan tontonan dan keahlian akan menurun selepas Covid-19 berjaya dikawal dan orang dapat bergerak dengan lebih bebas.	<u>bertambah-untung-netflix-meningkat</u>
5.	Berita Harian	<p>Maxis kekal pengendali Internet terpantas</p> <p>Maxis kekal sebagai syarikat telekomunikasi terpantas di Malaysia apabila mencatatkan kelajuan muat turun dan muat naik tertinggi berbanding pengendali rangkaian lain. Secara keseluruhan, Maxis mengungguli lima daripada lapan kategori pengalaman rangkaian mudah alih iaitu Pengalaman Video; Pengalaman Permainan; Pengalaman Kepantasan Muat Naik; Pengalaman Kepantasan Muat Turun dan Pengalaman Latensi. Celcom mengungguli dua kategori manakala Unifi mendahului satu lagi kategori.</p>	<u>https://www.bharian.com.my/bisnes/teknologi/2020/04/680161/maxis-kekalk-pengendali-internet-terpantas</u>

Penemuan penting & isu:

1. Country Garden Real Estate (CGRE) telah menerbitkan sukuk berjumlah RM495 juta dalam keadaan ekonomi dan pasaran kewangan yang tidak stabil pada masa kini. CGRE menyatakan ini menunjukkan keyakinan pasaran modal terhadap Country Garden Group dan pembangunan jangka panjang CGRE di Malaysia.
2. Bursa Malaysia dibuka rendah dengan 1,365.25 mata pada pagi ini, lebih rendah daripada 1,381.73 mata yang ditutup pada Hari Selasa. Pasaran

menyaksikan penurunan besar disebabkan keimbangan mengenai kesan kejatuhan harga minyak mentah AS ke paras terendah di bawah tahap sifar. Sementara, pelabur di kaunter sarung tangan getah mula mendapat keuntungan kerana pertumbuhan harga saham yang stabil.

3. Netflix mencatatkan peningkatan keuntungan sejak pertambahan 15.7 juta langganan ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan di kebanyakan negara. Netflix merekodkan keuntungan AS\$709 juta (RM3.1 bilion) menerusi pendapatan AS\$5.8 bilion (RM25.5 bilion) bagi tiga bulan pertama tahun ini.
4. Maxis kekal sebagai syarikat telekomunikasi terpantas di Malaysia apabila mencatatkan kelajuan muat turun dan muat naik tertinggi berbanding pengendali rangkaian lain dan telah mengungguli lima daripada lapan kategori pengalaman rangkaian mudah alih.

Maklumbalas Bahagian:

1. Penerbitan sukuk oleh CGRE akan memberi impak kepada penyusunan statistik Akaun Kewangan melalui komponen Instrumen Hutang. Pada tahun 2019, Akaun Kewangan mencatatkan aliran keluar bersih berjumlah RM34.3 bilion.
2. Pasaran Bursa Malaysia, harga minyak mentah dan harga saham di kaunter sarung getah akan mempengaruhi penyusunan statistik Akaun Kewangan dan Akaun Semasa.
3. Netflix telah merekodkan keuntungan bagi suku pertama tahun 2020 dan prestasi Maxis yang kekal sebagai syarikat telekomunikasi terpantas di Malaysia bakal mempengaruhi Akaun Semasa menerusi komponen Telekomunikasi, komputer dan maklumat. Pada 2019, eksport komponen ini telah menyumbangkan RM12.2 bilion dan import ialah RM14.5 bilion.

F.	Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Bernama	<p>Deepen ASEAN integration in post-pandemic trade order – CARI</p> <p>ASEAN leaders need to deepen integration among member countries in response to the post-pandemic trade order.</p> <p>There will be greater regionalisation of the world in which ASEAN is well-placed if it took its chances, and truly established the ASEAN</p>	https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1834617

		<p>Economic Community, that single production base and market long promised but still fragmented by barriers and nationalist sentiment.</p> <p>The post-COVID-19 economic recovery is entirely in ASEAN's hands and in those of its partners in the wider Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP).</p> <p>China has a 28 per cent share of global manufacturing, while ASEAN is only at 4-5 per cent.</p>	
2.	Berita Harian	<p>Warong Digital e-Bazaar Ramadan bermula Jumaat ini</p> <p>Kiple Pay memperkenalkan 'Warong Digital e-Bazaar Ramadan' bagi membolehkan orang ramai memesan makanan sepanjang bulan Ramadan ini.</p> <p>Jumlah peniaga berdaftar di platform ini hanya sekitar 25 peratus daripada peniaga bazar tempatan dan peratusan ini dijangka meningkat dengan ketara kepada minimum 50 peratus lagi dalam bentuk jumlah pendaftaran memandangkan terdapat lebih 20,000 peniaga yang berniaga di bazar.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/680445/warong-digital-e-bazaar-ramadan-bermula-jumaat-ini
<p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> Para pemimpin ASEAN disarankan untuk memperkuuh integrasi antara negara anggota bagi menghadapi kesan pasca-wabak COVID-19 terhadap ekonomi. Pemulihan ekonomi pasca COVID-19 berada di bawah kuasa negara anggota ASEAN dan Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP). China memegang sebahagian besar sektor pembuatan di peringkat global sebanyak 20% manakala ASEAN antara 4% hingga 5%. 			

2. Platform ‘Warung Digital e-Bazaar Ramadan’ yang diperkenalkan oleh Kiple Pay merupakan perkhidmatan pemesanan makanan dalam talian. Perkhidmatan ini akan membantu 25 peratus yang berdaftar dan dianggarkan akan meningkat kepada 50 peratus daripada 20,000 peniaga bazar tersebut. Secara tidak langsung membantu peniaga tempatan berniaga dalam talian dan menambahkan pendapatan mereka.

Maklumbalas Bahagian:

- Negara anggota ASEAN turut menerima impak daripada penularan wabak COVID-19. Justeru pemimpin negara anggota disarankan untuk memperkuuh integrasi bagi menangani impak wabak terhadap ekonomi. Antara inisiatif adalah kecekapan pihak berkuasa (*regulatory efficiency*) serta rantaian bekalan domestik dan rentas sempadan (*domestic and cross border supply chain*).

G. Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Harian Metro	<p>Hanya 30 pasang tempahan baju raya</p> <p>Semenjak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) susulan penularan wabak Covid-19 dilaksanakan, tempahan baju raya dalam kalangan tukang jahit di bandar raya ini mengalami penurunan.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/570042/hanya-30-pasang-tempahan-baju-raya
2.	Harian Metro	<p>BERNAS jamin harga beras stabil</p> <p>PADIBERAS Nasional Berhad (BERNAS) memberi jaminan untuk terus memelihara kestabilan harga serta memastikan bekalan beras sentiasa mencukupi, terutamanya ketika negara berdepan dengan penularan wabak Covid-19.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/570114/bernas-jamin-harga-beras-stabil

Penemuan penting & isu:

- Penularan wabak Covid-19 serta PKP ini memberi impak ketara kepada permintaan perkhidmatan tukang jahit. Penutupan premis perniagaan termasuk kedai menjual barang keperluan jahitan, turut memaksa tukang jahit untuk membuat pembelian secara dalam talian. Anggaran upah jahitan yang ditawarkan ketika ini adalah antara RM55 hingga RM80 mengikut potongan serta fesyen diinginkan pelanggan.

2. Penularan wabak Covid-19 telah menyebabkan beberapa negara mengalami kenaikan harga makanan asas seperti beras yang sekaligus menimbulkan kebimbangan bekalan sukar diperolehi. Namun begitu, bekalan beras yang menjadi makanan ruji rakyat Malaysia mudah diperolehi dan harga beras di pasaran runcit masih kekal sebagaimana sebelum penularan wabak Covid-19. Harga jualan BERNAS kepada pemborong adalah kekal dan tidak berubah untuk beras putih tempatan dan beras import sejak beberapa tahun yang lalu.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bahagian mengambil maklum kemungkinan terdapat pergerakan harga bagi perkhidmatan menjahit (kod item 0314 Mencuci, membaiki & menyewa pakaian). Sehubungan dengan itu, Bahagian akan menggunakan saranan IMF (carry forward imputation) dalam pelaksanaan kutipan harga bagi kumpulan ini bagi IHP April 2020.
2. Bahagian mengambil maklum bahawa harga jualan runcit bagi beras putih tempatan dan beras import masih kekal sebagaimana sebelum penularan COVID-19. Sehubungan dengan itu, IHP bagi item kumpulan 0111 (Beras) dijangkakan tiada perubahan bagi April 2020.

H.	Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Astro Awani	<p>Greenlight for 952 Kedah couples to marry during MCO</p> <p>A total of 952 couples in Kedah who have been given the green light to get married during the Movement Control Order (MCO) are allowed to do so at the District Religious Offices with minimal attendance. Only marriage solemnisation (akad nikah) were allowed and no other ceremony could be held, while the date and time of the solemnisation would be determined by the Kedah State Islamic Religious Affairs Department.</p>	http://www.astroawani.com/berita-malaysia/greenlight-952-kedah-couples-marry-during-mco-239548
2.	Berita Harian	<p>20,300 Orang Asli di Pahang terima bantuan</p> <p>Lebih 20,300 bungkusan bantuan keperluan harian diagihkan</p>	https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/680103/20300-orang-asli-di-

		kepada ketua isi rumah (KIR) di 264 penempatan Orang Asli di Pahang sejak fasa pertama Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan bulan lalu.	<u>pahang-terima-bantuan</u>
3.	Harian Metro	<p>864 gelandangan diselamatkan sepanjang PKP</p> <p>SERAMAI 864 gelandangan diselamatkan dan ditempatkan sementara di 12 penempatan gelandangan bagi membendung penularan Covid-19 sepanjang perintah kawalan pergerakan (PKP) dilaksanakan.</p>	<u>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/569892/864-gelandangan-diselamatkan-sepanjang-pkp</u>
4.	Sinar Harian	<p>Imigresen cadang wujud SOP baharu kemasukan warga asing</p> <p>Jabatan Imigresen bercadang untuk mewujudkan beberapa prosedur operasi standard (SOP) baharu bagi kemasukan warga asing selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam usaha mengekang penularan wabak koronavirus (Covid-19).</p>	<u>https://www.sinarharian.com.my/article/8096/BERITA/Nasional/Imigresen-cadang-wujud-SOP-baharu-kemasukan-warga-asing</u>
5.	Harian Metro	<p>14,730 warga Myanmar dalam kawasan PKPD keenam</p> <p>SERAMAI 14,730 warga Myanmar menetap dalam kawasan Pusat Bandar Utara dan sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur yang kini menjalani Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).</p>	<u>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/570022/14730-warga-myanmar-dalam-kawasan-pkpd-keenam</u>

Penemuan penting & isu:

1. What is being worked out is to allocate a few days a week for the District Religious Office to handle the conventional marriage, but attendance is limited to

- the couple and each accompanied by a next-of-kin (wali) or a guardian (for the bride) who could give away the bride in accordance with Syariah law. Three witnesses will be provided by the religious office and the couple will have to register in advance to facilitate arrangements for the time and date of the solemnisation ceremony.
2. Agihan secara berperingkat dilakukan kakitangan Pejabat Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) daerah dengan kerjasama ketua kampung, batin dan beberapa agensi kerajaan. Bantuan berupa beras, minyak masak, tepung, gula, biskut dan kopi disediakan Kementerian Pembangunan Luar Bandar bagi meringankan beban masyarakat Orang Asli yang tidak dapat bekerja sepanjang PKP.
 3. Syarat bagi warga asing yang ingin masuk ke Malaysia akan diperketatkan di semua pintu masuk negara meskipun selepas PKP tamat antaranya tidak mempunyai sebarang simptom wabak Covid-19. Ketika ini (semasa PKP), semua warga asing telah disekat kemasukan kecuali duta-duta, perwakilan asing dan penduduk tetap yang dibenarkan masuk.

Maklum balas Bahagian:

1. Data perkahwinan akan diperoleh daripada Pejabat Agama Islam Negeri bagi tujuan penerbitan Perangkaan Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' di Malaysia. Susulan daripada pelaksanaan nikah secara online, tempoh pembekalan data tersebut dilihat dapat dipercepatkan.
2. Bantuan yang diberikan kepada masyarakat Orang Asli memerlukan maklumat Ketua Isi Rumah (KIR) dan bilangan Ahli Isi Rumah (AIR) penduduk orang asli di beberapa daerah. Data ini penting untuk mendapatkan maklum balas taburan penduduk di Malaysia.
3. Jabatan perlu mendapatkan peratusan jumlah kematian disebabkan Covid-19 di beberapa daerah, kesan pekerjaan mengikut umur, kadar pekahwinan, dan jumlah kelahiran di seluruh Malaysia mengikut jantina bagi mengkaji kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

I. Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian	Insentif RM200 galak peniaga daftar dalam talian pada Ramadan Kerajaan Johor mengumumkan insentif geran galakan perniagaan berjumlah RM200 seorang kepada peniaga yang berdaftar sebagai peniaga e-bazar di dalam kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan kawasan luar	https://www.bhariani.com.my/berita/nasional/2020/04/680314/insentif-rm200-galak-peniaga-daftar-dalam-talian-pada-ramadan

		<p>bandar di negeri ini sempena Ramadan kali ini.</p> <p>Katanya, ada kira-kira 10,357 peniaga bazar berdaftar dalam kawasan PBT di negeri ini dengan jangkaan lebih 5,000 daripada peniaga terbabit bakal menerima manfaat diperkenalkan itu.</p> <p>Peniaga hendaklah berdaftar dengan platform yang disediakan oleh kerajaan Johor iaitu menerusi eBAZARA atau Getmakan.</p>	
2.	Harian Metro	<p>186 penghantar persendirian dibenarkan beroperasi</p> <p>Majlis Daerah Simpang Renggam (MDSR) meluluskan 186 permohonan penghantar persendirian sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sempena Ramadan.</p> <p>Mereka yang melepassi pemilihan mengikut kriteria ketat itu adalah golongan pelaksana yang akan menjalankan aktiviti perkhidmatan penghantaran sepanjang PKP.</p> <p>Dalam pada itu, MDSR turut berperanan untuk membantu peniaga di kawasan MDSR bagi membolehkan mereka mencari rezeki tambahan sepanjang Ramadan ini disamping merancakkan ekonomi tempatan.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/569860/186-penghantar-persendirian-dibenarkan-beroperasi
3.	Berita Harian	<p>Syor PKP dilonggar untuk beberapa sektor</p> <p>Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/680173/syor-pkp-dilonggar-untuk-beberapa-sektor

		<p>Ahmed Razman Abdul Latiff, berpendapat PKP boleh disambung, namun kerajaan wajar memberi kelonggaran bagi membolehkan perniagaan dan ekonomi dapat bergerak semula.</p> <p>Namun, kebenaran untuk beroperasi ini mesti dilakukan secara berfasa dan bukan serentak, serta bergantung kepada taksiran risiko, sama ada sesuatu industri itu berisiko tinggi atau tidak untuk menyebabkan jangkitan semula COVID-19.</p>	
4.	Malay Mail	<p>World Bank: Malaysia has little space for fiscal response if Covid-19 fallout drags on</p> <p>South-east Asia's third-largest economy is already struggling to shield its workforce and small businesses from the devastation wrought by the Sars-CoV-2 pandemic.</p> <p>Over 40 per cent of the country's 16 million workers are already left out of existing employment social protection.</p> <p>The marked reduction takes into account both the slowing growth in momentum from the second half of 2019 and the outbreak's impact in a scenario where large-scale disruptions of economic activities extend for most of the year.</p>	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/22/world-bank-malaysia-has-little-space-for-fiscal-response-if-covid-19-fallou/1859106
5.	Berita Harian	<p>'Pasar by GrabMart' bantu peniaga kecil</p> <p>Grab akan menambah lima lagi pasaran di sekitar Selangor dalam perkhidmatan 'Pasar by</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/680506/pasar-grabmart-bantu-peniaga-

	<p>GrabMart' berkuat kuasa 24 April 2020 untuk memperkasa dan memastikan perniagaan kecil tradisional serta usahawan mikro tidak terpinggir dalam peralihan Malaysia sebagai sebuah negara digital.</p> <p>Hampir 8,000 peniaga telah mendapat manfaat daripada program Grab ini dan lebih 100,000 pemandu GrabCar turut menyokong peningkatan permintaan khidmat penghantaran. Ini memberikan kelangsungan sumber pendapatan mereka sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang memberi banyak impak terhadap perniagaan e-hailing.</p>	kecil?utm_source=b&utm_campaign=re_ecsys&utm_medium=re_ecsys
--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Kerajaan negeri Johor telah mengumumkan insentif geran galakan perniagaan berjumlah RM200 seorang kepada peniaga yang berdaftar sebagai peniaga e-bazar di kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan kawasan luar bandar di negeri berkenaan. Dianggarkan lebih 5,000 peniaga akan mendapat manfaat susulan daripada pelaksanaannya.
2. Majlis Daerah Simpang Renggam (MDSR) meluluskan 186 permohonan penghantar persendirian bagi aktiviti perkhidmatan penghantaran sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sempena Ramadan tahun ini.
3. Dianggarkan lebih 40 peratus daripada 16 juta keseluruhan pekerja di negara ini sudah tidak lagi mendapat perlindungan sosial pekerjaan kesan daripada pandemik COVID-19.
4. Penambahan lima lagi pasaran di sekitar Selangor dalam perkhidmatan 'Pasar by GrabMart' oleh Grab yang berkuat kuasa pada 24 April 2020 akan memberikan manfaat kepada hampir 8,000 peniaga kecil dan lebih 100,000 pemandu GrabCar.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pelaksanaan insentif geran galakan perniagaan di Johor dijangka dapat membantu golongan peniaga bazar untuk memasarkan produk secara dalam talian. Ini akan memberi kesan terhadap sektor informal di negeri Johor.

2. Penduduk bekerja bagi aktiviti perkhidmatan penghantaran makanan dijangka meningkat bagi bulan April hingga Mei susulan daripada kelulusan permohonan 186 pekerjaan penghantaran persendirian sepanjang PKP
3. Penduduk bekerja di jangka akan terjejas susulan daripada pandemik COVID-19 yang telah menyebabkan gangguan aktiviti ekonomi secara besar-besaran di seluruh dunia.
4. Hampir 8,000 peniaga kecil dan lebih 100,000 pemandu e-hailing dijangka mendapat sumber pendapatan yang berterusan sepanjang tempoh PKP daripada program 'Pasar by GrabMart' yang bermula pada 24 Mei 2020.

J.	Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Harian Metro	<p>Agrobazar Rakyat, PST beri manfaat untuk rakyat [METROTV]</p> <p>Program Agrobazar Rakyat dan Pasar Segar Terkawal (PST) memberi manfaat kepada lebih 102,000 ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di Perak sepanjang PKP.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/569480/agrobazar-rakyat-pst-beri-manfaat-untuk-rakyat-metrotv
2.	Bernama	<p>Laporkan sebarang masalah penyaluran hasil tani ke FAMA, PPPNP</p> <p>Petani dan pekebun di Perak yang mempunyai sebarang masalah termasuk untuk memasarkan hasil tani di nasihatkan untuk menghubungi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) atau Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak bagi mendapatkan bantuan.</p>	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1834389
3.	Berita Harian	<p>COVID-19: Kajian sistem kumbahan boleh bantu kenal pasti kawasan berisiko</p> <p>Ramai penyelidik di peringkat antarabangsa sudah mula mengkaji sekiranya air kumbahan dalam sistem pembentungan</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/680129/covid-19-kajian-sistem-kumbahan-boleh-bantu-kenal-pasti-kawasan

	<p>boleh menjadi ‘amaran awal’ untuk virus pandemik COVID-19 kembali ke dalam komuniti.</p> <p>Malaysia sendiri melalui Kementerian Alam Sekitar Dan Air mengambil pendekatan proaktif untuk menjalankan kajian mengenai risiko COVID-19, sama ada ia boleh merebak melalui kaedah itu.</p>	
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Kerajaan Persekutuan melalui LPP Perak meluluskan peruntukan RM370,206 kepada lima Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) terpilih untuk memperkasakan program Agrobazar Rakyat. Lima PPK adalah PPK Pengkalan Hulu, PPK Gerik, PPK Padang Rengas dan PPK Senggang Manong dan PPK Tambun. Program ini meningkatkan jualan di Agrobazar Rakyat sebanyak 40 hingga 50 peratus berbanding sebelum PKP dilaksanakan.
2. Jabatan Pertanian Negeri Perak menasihatkan terutamanya bagi syarikat yang mengalami masalah lambakan bekalan berikut pelaksanaan PKP menghubungi FAMA atau Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak bagi mendapatkan bantuan.
3. Kementerian Alam Sekitar Dan Air mengambil pendekatan proaktif untuk menjalankan kajian mengenai risiko COVID-19 sama ada ia boleh merebak melalui kaedah sistem kumbahan.

Maklumbalas Bahagian:

1. BPPAS mengambil maklum berkaitan lambakan sayur-sayuran dan kelapa seperti yang dinyatakan. Berdasarkan isu tersebut, dijangkakan penggunaan kelapa pada 2020 akan mengalami penurunan. Statistik pengeluaran dan penggunaan bagi komoditi agromakanan terpilih (36 jenis item) diterbitkan di dalam penerbitan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih (SUA) secara tahunan. Item buah-buahan, sayur-sayuran, perikanan dan ternakan merupakan item yang diliputi. Kecukupan bekalan makanan kepada penduduk berbanding pengeluaran bagi 36 jenis item juga boleh dilihat berdasarkan indikator SSR yang diterbitkan dalam SUA. SSR kelapa pada 2018 adalah 66.8% dan PCC pula adalah 21.5 kg/tahun.
2. BPPAS ambil maklum pendekatan proaktif yang diambil oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air untuk menjalankan kajian mengenai risiko COVID-19 sama ada ia boleh merebak melalui sistem pembentungan. Maklumat berkaitan kemudahan pembentungan turut dimuatkan dalam penerbitan KPAS seperti jadual dibawah. Jumlah kumbahan oleh isi rumah di Malaysia pada 2018 adalah sebanyak 65.9 peratus berdasarkan rekod daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

K.	Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian	<p>PETRONAS sedia bengkel mudah alih di hospital</p> <p>PETRONAS Dagangan Bhd (PDB), melalui anak syarikatnya, PETRONAS Lubricants Marketing (Malaysia) Sdn Bhd, mewujudkan bengkel mudah alih di Hospital Sungai Buloh, Pusat Perubatan Universiti Malaya dan Hospital Kuala Lumpur untuk memberikan perkhidmatan servis kereta kepada barisan hadapan bermula dari Isnin hingga 28 April ini.</p> <p>Serrvis yang ditawarkan adalah pertukaran minyak pelincir PETRONAS Syntium percuma untuk enjin kereta; menukar bateri, minyak atau penapis pendingin hawa dan pengelap secara berbayar. Perkhidmatan akan diperluas di tiga cawangan AutoExpert di Sri Kembangan, Petaling Jaya dan Shah Alam.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/04/680411/petronas-sedia-bengkel-mudah-alih-di-hospital
2.	New Straits Times	<p>19,077 contractors applied but only 1,856 approved to operate</p> <p>A total of 19,077 contractors had applied to operate during Movement Control Order (MCO). Ministry of International Trade and Industry's (Miti) rejected 7,387 of the applications and only allowed 1,856 to operate. Small</p>	https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/586626/19077-contractors-applied-only-1856-approved-operate

		<p>construction companies under the G1 and G2 category were among those prioritised to resume operations during the MCO. The G1 and G2 category contractors include those whose projects are below RM200,000 and those not exceeding RM500,000 respectively</p> <p>Works Ministry, Local Government and Housing Ministry, Malaysian Construction Industry Development Authority (CIDB), Department of Occupational Safety and Health (DOSH), Public Works Department (JKR), and Department of Irrigation and Drainage (DID) would be monitoring the situation and act as enforcement authorities to ensure everyone toes the line.</p>	
3.	Bernama	<p>COVID-19: Gig economy creates jobs, healthy competition</p> <p>The MCO has indirectly transformed the daily lives of the people and bolstered the popularity of the gig economy which has changed the economic landscape drastically. MCO and COVID-19 have in fact spurred a lot of job opportunities and healthy competition in the gig economy.</p> <p>Industry players from various sectors such as manufacturing, education, finance, retail and logistics have to be fast in</p>	https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1834879

	<p>exploring the gig economy to tackle the present economic crisis and as a preparation for post-COVID-19 period that would certainly be more difficult.</p> <p>In terms of the retail and logistics sectors, this economic segment has benefited various industry players particularly those that have long ventured into the digital services platform such as virtual supermarkets like Amazon, Shopee and Lazada, Grab, Foodpanda and Lalamove services. The gig economy segment is poised to overtake the traditional sector and attract investors due to its potential to continue to expand in sync with technological advancement.</p>	
--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. PETRONAS Dagangan Bhd (PDB), melalui anak syarikat PETRONAS Lubricants Marketing (Malaysia) Sdn Bhd telah mewujudkan bengkel mudah alih di Hospital Sungai Buloh, Pusat Perubatan Universiti Malaya dan Hospital Kuala Lumpur. Perkhidmatan servis pertukaran minyak pelincir PETRONAS Syntium adalah secara percuma manakala penukaran bateri, minyak atau penapis pendingin hawa dan pengelap adalah secara berbayar. Perkhidmatan akan diperluas di tiga cawangan AutoExpert di Sri Kembangan, Petaling Jaya dan Shah Alam.
2. Sebanyak 19,077 kontraktor telah memohon untuk beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menolak 7,387 permohonan dan hanya membenarkan 1,856 untuk beroperasi. Keutamaan kebenaran diberi kepada syarikat pembinaan kategori G1 dan G2.
3. PKP dan pandemik Covid-19 telah mendorong peluang pekerjaan dan persaingan yang sihat dalam ekonomi gig. Sektor seperti pembuatan, pendidikan, kewangan, runcit dan logistik harus cepat meneroka ekonomi gig dalam situasi mencabar ini. Sektor runcit dan logistik terutamanya telah menguntungkan pengusaha yang telah sedia ada menceburkan diri dalam platform perniagaan digital seperti perkhidmatan Amazon, Shopee, Lazada, Grab, Foodpanda dan Lalamove.

Maklumbalas Bahagian:

1. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat berkaitan jawatan diisi dan pewujudan jawatan mengikut aktiviti ekonomi berdasarkan SGT ST4 2019:
 - i. Sektor Perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar dengan 4,440 ribu (52.5%) daripada 8,464 ribu jumlah jawatan diisi. Manakala sektor Pembinaan merangkumi 1,308 ribu jawatan diisi (15.5%).
 - ii. Pewujudan jawatan adalah sebanyak 25 ribu, di mana 46.2 peratus disumbangkan oleh sektor Perkhidmatan (12 ribu).
2. Statistik pekerja bagi ST4 2019 yang berkaitan berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh ST4 2019 adalah seperti berikut*:
 - i. Pembinaan: 1,493 ribu orang (9.8%)
 - ii. Perdagangan borong dan runcit: 2,514 ribu orang (16.5%)
 - iii. Makanan & minuman dan penginapan: 1,694 ribu orang (11.1%)
 - iv. Pengangkutan dan penyimpanan: 554 ribu orang (3.6%)
3. Statistik produktiviti buruh bagi ST4 2019 yang berkaitan berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:

Aktiviti ekonomi	Produktiviti buruh mengikut jam bekerja		Produktiviti buruh mengikut pekerja	
	Nilai (RM)	Perubahan Peratusan Tahunan (%)	Nilai (RM)	Perubahan Peratusan Tahunan (%)
Pembinaan	18.6	4.3	11,106	3.1
Perdagangan borong dan runcit	42.9	3.2	25,999	3.0
Makanan & minuman dan penginapan	13.6	2.9	7,977	2.3
Pengangkutan dan penyimpanan	41.3	4.6	25,444	4.1

4. Perangkaan utama mengikut saiz berdasarkan Laporan Banci Ekonomi 2016 (TR 2015) bagi Profil Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) adalah seperti berikut:

Saiz	Bil. Pertubuhan	Bil. Pekerja	Gaji & Upah (RM Juta)
Mikro	693,670	1,937,557	25,495
Kecil	192,783	2,351,712	61,533
Sederhana	20,612	1,363,291	41,430
Besar	13,559	3,079,678	117,238
Jumlah	920,624	8,732,238	245,696

*merujuk kepada jumlah pekerja dan peratus sumbangan

Jadual 1: Jumlah Keseluruhan Taburan Kes COVID-19 Mengikut Negeri

III KES POSITIF MENGIKUT NEGERI (setakat 22/4/2020, 12 PM)



KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA



Jadual 2 Jumlah Keseluruhan Taburan Kes COVID-19 Mengikut Negara

CORONA VIRUS DISEASE 19 (COVID-19)

Jumlah keseluruhan kes: Total cases: Dunia / Worldwide	Jumlah kematian keseluruhan: Total deaths: Dunia / Worldwide	Jumlah kes sembuh: Total recovered cases: Dunia / Worldwide	Negara yang terlibat: No. of countries involved:	Jumlah kes sembuh: Total recovered cases: Malaysia				
Negara Country	Bil. kes No. of cases	Bil. kematian No. of deaths	Negara Country	Bil. kes No. of cases	Bil. kematian No. of deaths	Negara Country	Bil. kes No. of cases	Bil. kematian No. of deaths
Amerika Syarikat	825,306	45,075	Australia	6,547	67	Ivory Coast	916	13
Sepanyol	204,178	21,282	Qatar	6,533	9	Tunisia	901	38
Itali	183,957	24,648	Malaysia	5,532	93 	Cyprus	784	12
Perancis	159,300	20,829	Republik Dominika	5,044	245	Nigeria	782	25
Jerman	148,453	5,086	Panama	4,821	141	Latvia	748	9
United Kingdom	130,184	17,378	Colombia	4,149	196	Andorra	717	37
Turki	95,591	2,259	Finland	4,014	141	Guinea	688	6
Iran	84,802	5,297	Luxembourg	3,618	78	Lubnan	677	21
China	83,864	4,636	Mesir	3,490	264	Costa Rica	669	6
Rusia	52,763	456	Afrika Selatan	3,465	58	Niger	657	20
Brazil	43,368	2,761	Bangladesh	3,382	110	Kyrgyzstan	612	7
Belgium	40,956	5,998	Maghribi	3,209	145	Albania	609	26
Kanada	39,405	1,915	Argentina	3,144	151	Bolivia	609	37
Belanda	34,318	3,929	Thailand	2,826	49	Burkina Faso	600	38
Switzerland	28,063	1,478	Algeria	2,811	392	Uruguay	543	12
Portugal	21,379	762	Moldova	2,614	72	Honduras	510	46
India	20,178	645	Yunani	2,401	121	Kosovo	510	12
Peru	17,837	484	Hungary	2,168	225	San Marino	476	40
Ireland	16,040	730	Kuwait	2,080	11	Palestin	466	4
Sweden	15,322	1,765	Kazakhstan	2,025	19	Malta	443	3
Austria	14,873	491	Bahrain	1,973	7	Jordan	428	7
Israel	14,326	187	Croatia	1,908	48	Taiwan	425	6
Arab Saudi	11,631	109	Iceland	1,778	10	Senegal	412	5
Jepun	11,512	281	Uzbekistan	1,692	6	Georgia	411	5
Chile	10,832	147	Oman	1,614	8	Congo (Kinshasa)	359	25
Korea Selatan	10,694	238	Iraq	1,602	83	Mauritius	328	9
Ecuador	10,398	520	Estonia	1,552	43	Guatemala	316	8
Singapura	10,141	11	Azerbaijan	1,480	20	Montenegro	314	5
Poland	9,856	401	Armenia	1,473	24	Sri Lanka	310	7
Pakistan	9,749	209	New Zealand	1,451	14	Kenya	296	14
Mexico	9,501	857	Lithuania	1,370	38	Venezuela	288	10
Romania	9,242	498	Slovenia	1,344	77	Somalia	286	8
Denmark	7,891	370	Bosnia Herzegovina	1,342	51	Vietnam	268	0
UAE	7,755	46	Makedonia Utara	1,231	55	Mali	258	14
Norway	7,241	182	Slovakia	1,199	14	Tanzania	254	10
Indonesia	7,135	616	Cameroon	1,163	43	El Salvador	237	7
Czechia	7,041	204	Cuba	1,137	38	Jamaica	233	6
Belarus	6,723	55	Afghanistan	1,092	36	Paraguay	213	9
Serbia	6,630	125	Ghana	1,042	9	Lain-lain/ Others (Kopai persiaran)		
Filipina	6,599	437	Bulgaria	1,015	47	712	13	
Ukraine	6,592	174	Djibouti	945	2	(Dikemaskini pada 22 April 2020) (Updated at 22 April 2020)		

Bilangan negara di bawah 200 kes:
Countries with 200 cases and below:

(1-50)	(51-100)	(101-150)	(151-200)
39	14	9	2

Sumber: CPKC Kebangsaan dan WHO

UKK MOH

